

NO. SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)

RUJUKAN : 10554

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pecahan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan (*stateless children*) mengikut negeri di Malaysia. Apakah perancangan atau dasar Kerajaan terhadap kanak-kanak ini memandangkan mereka tidak dibenarkan untuk belajar di sekolah Kerajaan dan mereka tidak dibenarkan untuk bekerja bila mereka dewasa.

49

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, dokumen pendaftaran kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN kepada seseorang individu akan direkodkan dengan status sama ada Warganegara atau Bukan Warganegara berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Bagi individu yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan secara sah mengikut perundangan negara ini, maka kewarganegaraan individu tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya selaras dengan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Dakwaan bahawa seseorang individu akan menjadi orang yang tidak bernegara (*stateless*) adalah tidak tepat kerana menjadi kewajipan dan tanggungjawab ibu atau penjaga individu tersebut untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibunya. Kementerian ini ingin menegaskan bahawa kegagalan ibu atau penjaga melaksanakan tanggungjawab mereka akan menyebabkan isu berbangkit seperti ketiadaan dokumen pengenalan diri daripada negara asal yang akhirnya menyebabkan keberadaan yang tidak sah di negara ini.

Berhubung dengan isu kemasukan ke sekolah, sama ada sekolah Kerajaan atau swasta, ia adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) jua.